

iv. PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERBANKAN DENGAN KEPUJIAN [BBANK (HONS)]

PENGENALAN

Program Sarjana Muda Perbankan dengan Kepujian adalah bertujuan untuk melahirkan graduan yang berpandangan analitikal dan berfikiran inovatif yang dapat memenuhi keperluan bakat yang sangat diperlukan di dalam sistem kewangan negara. Secara amnya, graduan mampu menyumbang kepada pembangunan negara serta secara khasnya, graduan mampu menyumbang kepada pembangunan sistem perbankan.

MATLAMAT PROGRAM

Program ini ditawarkan bagi memenuhi objektif berikut:

1. Melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam sektor perbankan dan mampu menyumbang idea kreatif dan inovatif untuk menyelesaikan masalah dalam industri kewangan dan perbankan.
2. Menyediakan pengurus yang lengkap dan berkebolehan dalam sektor perbankan selaras dengan keperluan semasa dan akan datang.
3. Untuk menyediakan tenaga kerja yang berbakat bagi sektor kewangan, terutamanya dalam industri perbankan.

PROSPEK KERJAYA

Eksekutif Bank
Eksekutif Institusi Kewangan
Penganalisis Kewangan
Penasihat Kewangan
Pegawai Kredit
Pegawai Dagangan Saham
Guru
Pensyarah (Kolej dan Universiti)
Pegawai Kerajaan
Usahawan

DEKAN

Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim
BA (Actuarial Sc) (Iowa), MSc (Actuarial Sc) (Iowa), PhD (Finance) (DeMontfort)
e-mel: yibrahim@uum.edu.my

TIMBALAN DEKAN

Profesor Madya Dr. Sallahuddin Hassan
Dip. Agric, BSc (Hons) (UPM), MPA (USC), MA (Tennessee), PhD (Malaya), Dip. Econ (Econ. Inst. Colorado), Dip. Penulisan (DBP-PLM)
e-mel: din636@uum.edu.my

KETUA JABATAN

Dr. Arpah Abu Bakar
BBA (Actuarial Sc.)(Risk Mgt & Ins)(Wisconsin-Madison), MBA (Ins)(North Texas), PhD (UUM)
e-mel: arpah@uum.edu.my

PENYELARAS PROGRAM

Dr. Azira Abdul Adzis
BBA (Fin)(UUM), MSc (Banking)(UUM),
PhD (Massey)
e-mel: azira@uum.edu.my

PROFESOR PELAWAT

Prof. Dr. Asish Saha
B.Sc.(Physics),MBM(Finance),Ph.D.(Calcutta University)
e-mel: asish@uum.edu.my

PROFESOR MADYA

Dr. Nora Azureen Abdul Rahman
BBA (Hons), MSc (Finance)(UUM / BAe), PhD (Banking)(UUM)
e-mel: azureen@uum.edu.my

PENSYARAH KANAN

Ghazali Abd. Rahman
CFA (MIM), DBS (UiTM), BSc (Hons)(Bus. Admin.) (Univ. of Tennessee), MBA (Finance)(Ohio State Univ.)
e-mel: ghaz@uum.edu.my

Dr. Logasvathi a/p Murugiah
Bsc. International and Offshore Banking (UMS), MSc (Finance), PhD (Banking) (UUM)
e-mel: logasvathi@uum.edu.my

Dr. Muhammad Muhaizam bin Haji Musa
B.Mgmt (Banking)(Hons)(UUM), MSc (Finance)(UUM),
PhD (INCEIF)
e-mel: muhaizam@uum.edu.my

Shahril Shafie
BSc (Real Estate Mgt)(UTM), MSc (Banking)(UUM)
e-mel: sshahril@uum.edu.my

PENSYARAH

Abmalek F. Abubakar, AIBM
DBS (UiTM), BSc (Fin)(Northern Illinois), MA (Econ)(Central
Michigan)
e-mel: abmalek@uum.edu.my

Juhaida Abu Bakar
DIIA (UiTM), BBA (Fin)(Hons), MSc (Banking)(UUM)
e-mel: juhaida@uum.edu.my

Khairul Anuar Adnan
DBS (UiTM), BBA (Banking)(Hons), MBA (UUM)
e-mel: khairul71@uum.edu.my

Khairul Anuar Desa
DKB (PUO), BBA (Fin)(Hons), MSc (Banking) (UUM)
e-mel: k.anuar@uum.edu.my

Siew Goh Yeok
BSc Ed (UM), MSc (Mgmt) (UUM)
e-mel: siew@uum.edu.my

Zunarni Kosim
DBS (UiTM), BBA (Hons), MSc (Mgmt) (UUM)
e-mel: zunarni@uum.edu.my

PENSYARAH PELAWAT

Dr. Muhammad-Bashir Owolabi Yusuf
B. Agric (Ilorin, Nigeria), MSc (Ilorin, Nigeria), PhD (UIA)
e-mel: owolabi@uum.edu.my

TUTOR

Edie Erman Che Johari*
BBA (Islamic Banking) (UiTM), MBA (Islamic Banking and
Finance) (Bangor University)
e-mel: edie@uum.edu.my

Mohamad Azlan Mohamad Nasrun*
BBANK (Hons), MSc. Banking (UUM)
e-mel: mnazlan@uum.edu.my

Wan Azlina Wan Hassan
BBA (Hons), MSc. Banking (UUM)
e-mel: wanazlina@uum.edu.my

* *Cuti belajar*

STRUKTUR PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERBANKAN DENGAN KEPUJIAN [BBANK (HONS)]

Program Ijazah Sarjana Muda Perbankan dengan Kepujian
mengandungi **LIMA (5)** komponen seperti di bawah:

KOMPONEN	JAM KREDIT
A. TERAS UNIVERSITI	25
B. TERAS PROGRAM	71
C. MINOR	18
D. ELEKTIF PROGRAM	12
E. ELEKTIF BEBAS	3
JUMLAH JAM KREDIT KESELURUHAN	129

(Kemaskini: 25 August 2016)

Bagi dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perbankan dengan
Kepujian, seseorang pelajar dikehendaki mengambil dan lulus
minimum 129 jam kredit yang meliputi kursus-kursus dalam
struktur program seperti di bawah:

A. TERAS UNIVERSITI (25 JAM KREDIT)

Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
SADN 1013	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	3
SADN 1033	Kenegaraan Malaysia	3
SADN 1043	Hubungan Etnik	3
SBLE 1063	English Proficiency I	3
SBLE 2113	English Proficiency II	3
SBLE 3123	English Proficiency III	3
SADE 1013	Asas Keusahawanan	3
VXXXXXXX	Ko-kurikulum	4

Pilih **SATU (1)** bidang Ko-kurikulum yang diminati dan pelajar
tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah bidang
tersebut.

B. TERAS PROGRAM (71 JAM KREDIT)

Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit	Prasyarat
SQQS 1013	Pengantar Statistik	3	TIADA
STID 1103	Aplikasi Komputer dalam Pengurusan	3	TIADA
BEEB 1013	Prinsip Ekonomi	3	TIADA
BKAF 1023	Pengantar Perakaunan Kewangan	3	TIADA
BWFF 2033	Pengurusan Kewangan	3	BKAF1023 Pengantar Perakaunan Kewangan ATAU BKAL1013 Perakaunan Perniagaan ATAU BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I
BWFF 2043	Pengurusan Kewangan Lanjutan	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWFN 3013	Analisis Pelaburan	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWBB 1013	Asas Perbankan	3	TIADA
BWBB 2013	Pengurusan Bank	3	TIADA
BWBB 3013	Operasi Bank Perdagangan	3	BWBB2013 Pengurusan Bank
BWBB 3023	Pengurusan Pinjaman	3	BWBB2013 Pengurusan Bank
BWBB 3033	Perbankan Antarabangsa	3	BWBB2013 Pengurusan Bank
BWBS 3043	Pengurusan Perbankan Islam	3	TIADA
BWBB 3193	Seminar Perbankan	3	Tahun akhir DAN telah melengkapkan 100 jam

			kredit
BPMN 1013	Pengantar Pengurusan	3	TIADA
BPMN 3023	Pengurusan Strategik	3	Telah melengkapkan 100 jam kredit
BPMN 3123	Etika Pengurusan	3	TIADA
BPMN 3143	Kaedah Penyelidikan	3	SQQS1013 Pengantar Statistik DAN telah melengkapkan sekurang-kurangnya 70 jam kredit
GLUL 2023	Undang-Undang Perniagaan	3	TIADA
GLUL 3093	Undang-Undang Perbankan	3	TIADA
BPMM 1013	Pengantar Pemasaran	3	TIADA
BWBX 4908	Praktikum	8	Telah mengambil dan lulus semua kursus yang terkandung di dalam struktur program

C. MINOR (18 JAM KREDIT)

Pelajar **WAJIB** memilih **SATU (1)** Minor daripada EMPAT (4) bidang minor berikut:

- PENGURUSAN SUMBER MANUSIA** yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM)

- Pelajar **WAJIB** memilih **ENAM (6)** kursus dari senarai di bawah:

Kod	Nama Kursus	Jam Kredit	Prasyarat
BSMH 2013	Pengurusan Sumber Manusia	3	BPMN1013 Pengantar Pengurusan

BSMH 3023	Penstafan	3	BSMH2013 Pengurusan Sumber Manusia
BSMH 3033	Latihan dan Pembangunan	3	BSMH2013 Pengurusan Sumber Manusia
BSMH 3043	Pengurusan Imbuan dan Ganjaran	3	BSMH2013 Pengurusan Sumber Manusia
BSMH 3053	Pengurusan Prestasi Pekerja	3	BSMH2013 Pengurusan Sumber Manusia
BSMH 3063	Pengurusan Perubahan	3	BSMH2013 Pengurusan Sumber Manusia
BSMH 3083	Pengenalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	3	BSMH2013 Pengurusan Sumber Manusia
BSMH 3103	Perhubungan Industri	3	BSMH2013 Pengurusan Sumber Manusia
BSMH 3113	Pengurusan Sumber Manusia Antarabangsa	3	BSMH2013 Pengurusan Sumber Manusia
BSMH 3153	Pengurusan Kerjaya	3	BSMH2013 Pengurusan Sumber Manusia

ATAU

2) **KEUSAHAWANAN** yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM)

- Pelajar **WAJIB** memilih **ENAM (6)** kursus dari senarai di bawah:

Kod	Nama Kursus	Jam Kredit	Prasyarat
BPMM 1013	Pengantar Pemasaran	3	TIADA
BPMM 3023	Pengurusan Jualan	3	BPMM1013 Pengantar Pemasaran
BPME 2013	Kemahiran dan Gelagat Usahawan	3	SADE1013 Asas Keusahawanan
BPME 2023	Kreativiti dan Inovasi	3	TIADA
BPME 2043	Rancangan Perniagaan	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan

BPME 3013	Pengurusan Perkembangan Perniagaan	3	SADE1013 Asas Keusahawanan
BPME 3023	Pengurusan Perniagaan Francais	3	TIADA
BPME 3033	E-Dagang	3	TIADA
BPME 3043	Perniagaan Keluarga	3	SADE1013 Asas Keusahawanan
BPME 3063	Pengurusan Jaringan Usahawan	3	SADE1013 Asas Keusahawanan

ATAU

3) **PERAKAUNAN** yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Perakunan (SOA)

- Pelajar **WAJIB** memilih **ENAM (6)** kursus dari senarai di bawah:

Kod	Nama Kursus	Jam Kredit	Prasyarat
BKAA 2013	Audit dan Asurans I	3	BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I ATAU BKAL1013 Perakaunan Perniagaan ATAU BKAF1023 Pengantar Perakaunan Kewangan
BKAA 3023	Audit dan Asurans II	3	BKAA2013 Audit dan Asurans I
BKAR 1013	Perakaunan Kewangan & Pelaporan I	3	BKAL1013 Perakaunan Perniagaan ATAU BKAF1023 Pengantar Perakaunan Kewangan
BKAR 2023	Perakaunan Kewangan & Pelaporan II	3	BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan

			Pelaporan I
BKAM 2013	Perakaunan Pengurusan I	3	BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I ATAU BKAL1013 Perakaunan Perniagaan ATAU BKAF1023 Pengantar Perakaunan Kewangan
BKAM 3023	Perakaunan Pengurusan II	3	BKAM2013 Perakaunan Pengurusan I
BKAS 2013	Sistem Maklumat Perakaunan	3	BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I
BKAS2123	Analisis dan Rekabentuk Sistem Maklumat Perakaunan	3	BKAS2013 Sistem Maklumat Perakaunan
BKAT2013	Pengantar Pencukaian	3	BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I ATAU BKAL1013 Perakaunan Perniagaan ATAU BKAF1023 Pengantar Perakaunan Kewangan
BKAT3023	Pencukaian Lanjutan	3	BKAT2013 Pengantar Pencukaian

ATAU

4) **MATEMATIK** yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS)

- Pelajar **WAJIB** memilih **ENAM (6)** kursus dari senarai di bawah:

Kod	Nama Kursus	Jam Kredit	Prasyarat
SQQS 1013	Pengantar Statistik	3	TIADA
SQQS 2013	Statistik Gunaan	3	SQQS1013 Pengantar Statistik
SQQM 1034	Kalkulus I	3	TIADA
SQQM 1063	Matematik Diskret	3	TIADA
SQQM 1073	Matematik Perniagaan	3	SQQM1034 Kalkulus I
SQQM 2023	Algebra Linear	3	SQQM1034 Kalkulus I ATAU SQQM1023 Matematik Untuk Pengurusan
SQQM 2034	Kalkulus II	3	SQQM1034 Kalkulus I
SQQM 3043	Persamaan Perbezaan Biasa	3	SQQM2034 Kalkulus II
SQQM 3034	Kalkulus Multivariat	3	SQQM2034 Kalkulus II
SQQP 3023	Pemodelan Pemutusan	3	TIADA

D. ELEKTIF PROGRAM (12 JAM KREDIT)

Pilih mana-mana **EMPAT (4)** kursus dari senarai di bawah:

Kod	Nama Kursus	Jam Kredit	Prasyarat
BWBB 3043	Sekuriti Perbankan	3	BWBB2013 Pengurusan Bank
BWBB 3053	Pemasaran Servis Kewangan	3	TIADA
BWBB 3063	Pembiayaan dan Perdagangan Antarabangsa	3	BWBB2013 Pengurusan Bank
BWBB 3073	Pengurusan Perbendaharaan	3	BWBB2013 Pengurusan Bank
BWBB 3083	Perbankan Korporat	3	BWBB2013

			Pengurusan Bank
BWBB 3093	Perbankan Luar Pesisir	3	BWBB2013 Pengurusan Bank
BWBZ 3993	Kertas projek	3	BPMN3143 Kaedah Penyelidikan DAN telah melengkapkan sekurang-kurangnya 100 jam kredit
BWRR 1013	Risiko dan Insurans	3	TIADA
BWRS 2013	Takaful	3	TIADA
BWRR 3103	Perancangan Estet	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWFF 3073	Kewangan Peribadi	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWRR 3113	Perancangan Persaraan	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWFE 3013	Pengurusan Hartanah	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWFN 3023	Pasaran Opsyen dan Niaga Hadapan	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWFN 3033	Pengurusan Portfolio	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWFF 3023	Pengurusan Kredit	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWFF 3033	Institusi dan Pasaran Kewangan	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWFF 3043	Kewangan Antarabangsa	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWFF 3053	Pemodelan Kewangan	3	STID1103 Aplikasi

			Komputer dalam Pengurusan DAN BWFF3013 Kewangan Korporat
BWFF 3063	Teori Kewangan	3	BWFF3013 Kewangan Korporat
BWFF 3083	Modal Teroka	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWRR 3023	Sains Aktuari	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWRR 3043	Pengurusan Manfaat Pekerja	3	BWRR1013 Risiko dan Insurans DAN BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWRR 3053	Reinsurans	3	BWRR1013 Risiko dan Insurans
BWRR 3063	Pengurusan Risiko Kewangan	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWRR 3123	Urus Tadbir Korporat	3	TIADA

E. ELEKTIF BEBAS (3 JAM KREDIT)

Pelajar perlu memilih mana-mana **SATU (1)** kursus yang ditawarkan oleh program Pengajian lain di Pusat Pengajian yang sama atau kursus Pusat Pengajian lain dengan mengambil kira perkara berikut:

- i. Perlu memenuhi prasyarat kursus sekiranya kursus tersebut memerlukan prasyarat.
- ii. Kursus-kursus setara tidak boleh dijadikan sebagai elektif bebas

**CADANGAN PENGAMBILAN KURSUS MENGIKUT SEMESTER
UNTUK PROGRAM SARJANA MUDA PERBANKAN DENGAN
KEPUJIAN [BBANK (HONS)]**

Kod Kursus	Semester 1	Jam Kredit	Kod Kursus	Semester 2	Jam Kredit
SADN1013	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	3	SBLE2113	English Proficiency II	3
SBLE1063	English Proficiency I	3	BPMM1013	Pengantar Pemasaran	3
SQQS1013	Pengantar Statistik	3	BWFF2033	Pengurusan Kewangan	3
BPMN1013	Pengantar Pengurusan	3	SADE1013	Asas Keusahawanan	3
BKAF1023	Pengantar Perakaunan	3	SADN1033	Kenegaraan Malaysia	3
BWBB1013	Kewangan	3	BWBB2013	Pengurusan Bank	3
VXXXXXXX	Asas Perbankan Ko-kurikulum	1	VXXXXXXX	Ko-kurikulum	1
JUMLAH		19	JUMLAH		19
Kod Kursus	Semester 3	Jam Kredit	Kod Kursus	Semester 4	Jam Kredit
BWFF2043	Pengurusan Kewangan Lanjutan	3	GLUL2023	Undang-undang Perniagaan	3
SBLE3123	English Proficiency III	3	BEEB1013	Prinsip Ekonomi	3
BWBB3013	Operasi Bank	3	STID1103	Applikasi Komputer dalam Pengurusan	3
BWBS3043	Perdagangan	3	BWBB3023	Pengurusan Pinjaman	3
SADN1043	Perbankan Islam	3	VXXXXXXX	Minor 2	3
VXXXXXXX	Hubungan Etnik	3	VXXXXXXX	Elektif Program 1	3
VXXXXXXX	Minor 1	3	VXXXXXXX	Ko-kurikulum	1
VXXXXXXX	Ko-kurikulum	1	VXXXXXXX	Ko-kurikulum	1
JUMLAH		19	JUMLAH		19
Kod Kursus	Semester 5	Jam Kredit	Kod Kursus	Semester 6	Jam Kredit
BWBB3033	Perbankan Antarabangsa	3		Elektif Program 3	3
GLUL3093	Undang-undang Perbankan	3		Elektif Program 4	3
BWFF3013	Analisis Pelaburan	3	BPMN3123	Minor 4	3
BWFF3013	Elektif Program 2	3	BPMN3143	Etika Pengurusan	3
BWFF3013	Minor 3	3	BPMN3143	Kaedah Penyelidikan	3
JUMLAH		15	JUMLAH		15
Kod Kursus	Semester 7	Jam Kredit	Kod Kursus	Semester 8	Jam Kredit
BWBB3193	Seminar Perbankan	3			
BWBB3193	Elektif Bebas	3			
BWBB3193	Minor 5	3	BWBX4908	Praktikum	8
BWBB3193	Minor 6	3			
BPMN3023	Pengurusan Strategik	3			
JUMLAH		15	JUMLAH		8

Jumlah Jam Kredit Keseluruhan: 129 Jam Kredit

SINOPSIS KURSUS

**BWBB1013 ASAS PERBANKAN
PRASYARAT TIADA**

Kursus ini merangkumi topik-topik yang berkaitan dengan sistem kewangan di Malaysia. Pelajar akan didedahkan kepada unsur-unsur penting dalam sistem kewangan, iaitu institusi kewangan dan pasaran kewangan. Pelajar akan mengetahui tentang peranan dan fungsi bank pusat, bank perdagangan, bank Islam, bank pelaburan dan institusi bukan bank di Malaysia. Pelajar juga akan didedahkan kepada pasaran wang dan pasaran modal di Malaysia. Di samping itu, konsep bekalan wang, penciptaan kredit, dan mekanisme penetapan harga juga akan dibincangkan di dalam kursus ini.

**BWBB2013 PENGURUSAN BANK
PRASYARAT TIADA**

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan konsep dan teknik pengurusan di dalam institusi perbankan pada masa kini. Selain itu juga, analisa penyata kewangan daripada segi aset, liabiliti dan keuntungan juga akan ditekankan. Penerangan secara terperinci mengenai pengurusan yang efektif dari aspek modal bank, perancangan kecairan dan kegunaan dana serta pengurusan aset dan liabiliti juga akan ditekankan. Selain itu, kursus ini juga akan menyentuh mengenai pengurusan strategik dan proses belanjawan bank, risiko dalam perbankan dan perbankan elektronik.

**BWBB3013 OPERASI BANK PERDAGANGAN
PRASYARAT BWBB2013 PENGURUSAN BANK**

Kursus ini membincangkan operasi bank perdagangan secara terperinci. Perbincangan berkaitan tugas dan fungsi bank perdagangan sebagai pemberi perkhidmatan dan servis perbankan akan didedahkan kepada pelajar. Topik-topik seperti deposit, cek, pengiriman wang, pinjaman dan pendahuluan serta pembiayaan perdagangan antarabangsa juga akan dibincangkan secara mendalam. Kursus ini juga akan menyentuh isu-isu semasa dan cabaran-cabaran yang dihadapi sektor perbankan masa kini.

**BWBB3023 PENGURUSAN PINJAMAN
PRASYARAT BWBB2013 PENGURUSAN BANK**

Kursus ini membincangkan fungsi insituti kewangan sebagai perantara dalam pemberian pinjaman. Pelajar akan didedahkan kepada prinsip, amalan dan polisi pinjaman dalam pengurusan pinjaman sesebuah bank. Bentuk-bentuk pinjaman yang disediakan kepada individu, perniagaan dan korporat akan

dibincangkan secara mendalam. Pembiayaan antarabangsa, kaedah-kaedah penilaian kredit, sekuriti untuk cagaran, pengurusan pinjaman yang diragui dan teknik dalam menganalisis maklumat dan penyediaan laporan juga akan dikaji.

.....

**BWBB3033 PERBANKAN ANTARABANGSA
PRASYARAT BWBB2013 PENGURUSAN BANK**

Kursus ini memperkenalkan para pelajar kepada struktur perbankan antarabangsa, prinsip dan pengamalan serta keadaan ekonomi, perundangan dan suasana perbankan antarabangsa. Topik-topik seperti institusi kewangan antarabangsa, perdagangan antarabangsa, pertukaran wang asing, perbankan luar pesisir, pengurusan risiko, pengurusan portfolio antarabangsa serta isu-isu semasa turut dibincangkan bagi membantu para pelajar memahami serta menilai kesan globalisasi dan liberalisasi perdagangan antarabangsa ke atas perbankan antarabangsa.

.....

**BWBB3043 SEKURITI PERBANKAN
PRASYARAT BWBB2013 PENGURUSAN BANK**

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada pengetahuan khusus tentang semua jenis sekuriti yang digunakan sebagai cagaran dalam urusan pinjaman di sektor kewangan dan perbankan. Kekurangan dan kesesuaian setiap jenis sekuriti tersebut, cara mewujudkan sekuriti yang memberi kepentingan perbankan yang sempurna kepada jurubank, serta bagaimana sekuriti-sekuriti tersebut dikuatkuasakan bagi mendapatkan kembali pinjaman yang tidak dibayar. Beberapa topik yang relevan berhubung dengan Sistem Pentadbiran Tanah Negara, Sistem Perundangan Mahkamah, Akta Pendaftaran Syarikat di Malaysia serta kes-kes perundangan turut dibincangkan untuk memberi pengetahuan yang menyeluruh tentang sekuriti perbankan.

.....

**BWBB3053 PEMASARAN SERVIS KEWANGAN
PRASYARAT TIADA**

Kursus ini memberi fokus kepada para pelajar mengenai kepentingan aspek pemasaran dalam institusi kewangan dan perbankan serta teknik dan alat pemasaran yang boleh diaplikasikan di dalam insitisi tersebut untuk meningkatkan daya saing. Topik-topik yang akan dibincangkan dalam kursus ini adalah konsep asas pemasaran, strategi pemasaran, produk, gelagat pelanggan, segmentasi pasaran, taburan cawangan, peletakan harga dan saluran komunikasi sesebuah bank. Kursus ini juga akan mendedahkan pelajar kepada amalan pemasaran bank masa kini khususnya di Malaysia serta isu-isu semasa yang berkaitan.

**BWBB3063 PEMBIAYAAN DAN PERDAGANGAN
ANTARABANGSA**

PRASYARAT BWBB2013 PENGURUSAN BANK

Kursus ini mendedahkan para pelajar kepada teori dan konsep perdagangan antarabangsa di samping mengkaji secara kritikal pelbagai cara penyelesaian perdagangan antarabangsa yang dilaksanakan. Tumpuan utama kajian adalah terhadap kutipan berdokumen serta kredit berdokumen, dua bidang pengetahuan yang sangat penting bagi jurubank, eksekutif, peguam, pengimport serta pengeksport. Para pelajar juga berpeluang mengkaji pelbagai jenis pembiayaan di dalam perdagangan antarabangsa serta mekanisme pertukaran wang asing. Kajian kes turut digunakan bagi meningkatkan lagi minat pelajar dalam kursus ini.

.....

**BWBB3073 PENGURUSAN PERBENDAHARAAN
PRASYARAT BWBB2013 PENGURUSAN BANK**

Kursus ini memperkenalkan para pelajar kepada prinsip asas dan amalan pengurusan perbendaharaan di dalam institusi kewangan dan organisasi perniagaan. Pelajar akan didedahkan bagaimana bank dan organisasi perniagaan mendapatkan dan melaburkan dana jangka pendek di dalam pasaran pertukaran asing dan pasaran wang, mengenalpasti pelbagai instrumen pasaran wang dan bagaimana untuk mengurus dan mengawal unit operasi perbendaharaan di dalam sesebuah bank.

.....

**BWBB3083 PERBANKAN KORPORAT
PRASYARAT BWBB2013 PENGURUSAN BANK**

Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai konsep dan isu-isu yang berkaitan tentang perbankan korporat di Malaysia secara khusus dan di dunia secara umumnya. Di samping itu, kursus ini juga akan menyentuh aspek yang berkaitan dengan pembiayaan yang diperlukan oleh pelanggan-pelanggan korporat dalam bentuk pembiayaan berkala, kemudahan talian perdagangan dan sekuriti hutang swasta seperti bon, kertas perdagangan, nota berkala jangka sederhana dan pembiayaan bersindiket.

.....

**BWBB3093 PERBANKAN LUAR PERSISIR
PRASYARAT BWBB2013 PENGURUSAN BANK**

Kursus ini membincangkan tentang fungsi pusat perbankan luar pesisir sebagai salah satu institusi kewangan utama di Malaysia. Para pelajar akan didedahkan kepada konsep asas, operasi dan isu-isu berkaitan dengan pusat perbankan luar pesisir Labuan dan lain-lain pusat perbankan luar pesisir di seluruh dunia. Di samping itu, kursus ini juga merangkumi topik-topik seperti faktor

perkembangan, kelebihan dan kelemahan, halatuju, operasi dan risiko yang dihadapi oleh perbankan luar persisir.

**BWBB3193 SEMINAR PERBANKAN
PRASYARAT TAHUN AKHIR DAN TELAH MELENGKAPKAN
SEKURANG-KURANGNYA 100 JAM KREDIT**

Kursus komprehensif ini akan membolehkan para pelajar mengaplikasikan prinsip, konsep, teori, dan amalan perbankan menerusi analisis kajian kes sebenar di dalam dan di luar negara di samping membincangkan isu-isu semasa di dalam sektor perbankan. Pelajar akan berpeluang untuk mengadaptasikan pengetahuan di dalam pelbagai disiplin seperti kewangan, ekonomi, insurans dan pengurusan untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan sebagai satu latihan permulaan sebelum memulakan kerjaya di dalam industri kewangan dan perbankan.